

DATE: 19/08/2007

Pameran sejarah negara dilancar

BH- 19/8/2007

KUALA LUMPUR: Rakyat pelbagai kaum dan pelancong perlu memanfaatkan Pameran 50 Tahun Kemerdekaan Malaysia di Muzium Negara, untuk mendapatkan maklumat serta mendalami secara dekat sejarah dan kejayaan Malaysia sejak kemerdekaan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata pameran yang memaparkan sejarah negara sejak zaman Kesultanan Melaka hingga era kejayaan zaman pentadbiran lima Perdana Menteri, sangat penting dan bermakna kepada negara.

"Pameran ini juga memberi peluang kepada rakyat dan pelancong untuk mengetahui dari dekat perubahan tamadun dan sejarah perjuangan Malaysia sejak zaman purba hingga mencapai kemerdekaan.

"Kita juga memperkenalkan segmen kepemimpinan kelima-lima Perdana Menteri," katanya pada sidang media selepas melancarkan pameran itu serta pembukaan semula Galeri C dan D Muzium Negara di sini, semalam.

Pameran sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara yang bermula semalam hingga

21 Oktober mempunyai tiga segmen, iaitu Sejarah, Pencapaian Malaysia dan Kepimpinan Perdana Menteri Terkini.

Ini meliputi pameran mengenai kejayaan bekas Perdana Menteri, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara itu, katanya Kekwa mahu menyemai sikap berkunjung ke muzium sebagai satu budaya hidup, terutama kalangan generasi muda.

Sehubungan itu, katanya usaha sedang dibuat meningkatkan kemudahan termasuk cara persembahan pameran dan penceritaan Muzium Negara.

Beliau juga menyifatkan dakwaan bahawa kerja pengubahsuaian mengganggu pelawat sebagai tidak tepat dan menyatakan kerajaan mesti berani mengambil langkah meningkatkan kemudahan bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa.

"Saya yakin apabila projek menaik taraf dengan kos RM20 juta siap enam bulan lagi, Muzium Negara akan muncul sebagai institusi muzium utama di rantau ini," katanya.